

08/08/1997

Kempen tanam pokok

TUARAN, Khamis - Pejabat Daerah Tuaran (PDT) akan melaksanakan kempen penanaman pokok besar-besaran di seluruh Tuaran, Tamparuli dan Kiulu dalam usaha menjaga kebersihan alam sekitar, tidak lama lagi.

Penolong Pegawai Daerah Tuaran, Wong Foo Tin, berkata kempen membabitkan pegawai, kakitangan kerajaan serta penduduk setempat akan dilaksanakan secara gotong-royong.

"Tujuannya memastikan tiga daerah itu sentiasa hijau serta bersih supaya penduduk menikmati suasana hidup lebih selesa dan sihat dari semasa ke semasa," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sewaktu diminta mengulas mengenai program menjaga kebersihan yang dilaksanakan pejabat itu dan Majlis daerah Tuaran (MDT) bagi daerah berkenaan termasuk kawasan pantai yang ada.

Awal minggu ini, isu kebersihan timbul apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegur sikap orang ramai di negara ini mengabaikan kebersihan sehingga menjejaskan nama baik.

Sehubungan itu, menurutnya, Pejabat Daerah Tuaran mengemukakan cadangan mengenai perkara itu kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kiulu, Gisin Lombut, yang bersetuju kempen itu diadakan.

Bagaimanapun, Wong berkata, Adun Sulaman, Datuk Hajiji Mohd Noor dan Adun Tamparuli, Datuk Wilfred Bumburing belum dimaklumkan mengenai perkara itu dan percaya mereka juga bersetuju mengenainya.

"Pejabat Daerah Tuaran akan mengadakan perbincangan dengan dua wakil terbabit mengenai perkara itu untuk mendapatkan persetujuan mereka, tidak lama lagi," katanya.

(END)